



قرساتوان ملايو كريام (فساك) توتونغ
PERSATUAN MELAYU KERIAM (PESAKA) TUTONG
KAMPONG KERIAM, TUTONG

UNDANGAN

**PERLAWANAN BOLASEPAK 7 ORANG SEPASUKAN
KALI KE-35 BAGI TAHUN 2009**



2009

**SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH
D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE 63 TAHUN
BAGI DAERAH TUTONG
ANJURAN PERSATUAN MELAYU KERIAM (PESAKA) TUTONG**

Dibukakan kepada persatuan-persatuan Belia, mukim-mukim,
kampong-kampong, kelab-kelab, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan Kerajaan
dan firma-firma Swasta di seluruh negara Brunei Darussalam



2009

PERLAWANAN BOLASEPAK 7 ORANG SEPASUKAN KALI KE 35 BAGI TAHUN 2009
SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE 63 TAHUN
BAGI DAERAH TUTONG
ANJURAN PERSATUAN MELAYU KERIAM (PESAKA) TUTONG.

1. Mukadimah.

Pada tahun 2009 ini, sekali lagi Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Tutong akan mengadakan perlawanan Bolasepak 7 Orang Sepasukan kali ke-35 sempena sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-63 Tahun Bagi Daerah Tutong tahun 2009.

Oleh yang demikian, Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Tutong suka cita menjemput semua persatuan-persatuan Belia, mukim-mukim, kampung-kampung, kelab-kelab, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan Kerajaan dan firma-firma Swasta di seluruh negara Brunei Darussalam untuk menyertai perlawanan ini bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan bagi Daerah Tutong tahun ini.

2. Tarik / Masa / Tempat Perlawanan*

- a. Tarikh :
 - i. Perlawanan liga diadakan pada 28 Jun 2009 dan 5 Julai 2009, dan
 - ii. Perlawanan akhir diadakan pada 26 Julai 2009.
- b. Masa : setiap hari Ahad bermula 07.30 pagi sehingga selesai.
- c. Tempat : Padang Komplek Sukan Tutong atau Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong (akan di maklumkan kemudian).

*** Tertakluk kepada perubahan pihak penganjur.**

3. Format Perlawan.

- a. Pusingan pertama - Setiap Pasukan akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan (tertakluk kepada penyertaan) dan akan bermain secara liga .
- b. Pusingan kedua – suku akhir, separuh akhir dan akhir dijalankan secara kalah mati (knock out system).

4. Undang-undang Perlawanan.

Sila rujuk lampiran ' A ' – (Undang-undang Perlawanan).

5. Syarat Penyertaan.

- a. Perlawanan ini dibuka penyertaannya kepada semua persatuan-persatuan Belia, mukim-mukim, kampung-kampung, kelab-kelab, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan Kerajaan dan firma-firma Swasta di seluruh negara Brunei Darussalam. Penyertaan pasukan tidak dihadkan.
- b. Setiap pasukan mestilah menyenaraikan seramai 9 orang pemain termasuk 2 orang pemain simpanan. Pemain-pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu pasukan sahaja. Jika didapati pemain tersebut bermain dalam satu pasukan lain, maka pihak penganjur akan mengambil tindakan kepada pasukan itu.
- c. Pemain yang telah pun bermain pada perlawanan pertama bagi satu-satu pasukan, **tidak dibenarkan** diganti dengan pemain yang lain selain daripada pemain yang telah didaftarkan dalam senarai pemain pasukan tersebut.. Pertukaran tidak akan dilayan.
- d. Setiap penyertaan hendaklah mengisi borang penyertaan yang disertakan (Lampiran B) bersama bayaran pendaftaran masuk sebanyak **BND\$ 60.00 (Enam puluh Ringgit)** sahaja bagi satu pasukan. **Borang pendaftaran yang tidak disertai dengan wang bayaran tidak akan dilayan.**
- e. Pengurus/Ketua pasukan hendaklah membawa senarai nama pemain setiap kali perlawanan.
- f. Tiap-tiap pasukan hendaklah menyediakan 2 pasang jersey yang berlainan warna. Pakaian pemain hendaklah seragam kecuali penjaga gol.
- g. Kerjasama setiap pasukan menyediakan 2 orang penjaga tepi.
- h. Setiap Pasukan hendaklah memberi kerjasama kepada pihak penganjur untuk sama-sama menjaga kebersihan padang perlawanan serta kawasan sekitarnya.
- i. Pihak pengajur berhak membuat sebarang perubahan / peraturan jika diperlukan pada bila-bila masa.
- j. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan pemain-pemain semasa dalam perlawanan tersebut.
- k. Sebarang aduan atau bantahan hendaklah mengisi borang yang disediakan oleh pihak penganjur perlawanan dengan disertakan wang taruhan sebanyak **\$ 100.00**. Jika bantahan tersebut berjaya, wang taruhan akan dikembalikan dan jika sebaliknya (**tidak berjaya**) wang tersebut tidak akan dikembalikan. Bantahan tersebut hendaklah dibuat dalam masa **10 minit** selepas perlawanan tersebut tamat.

6. Hadiah bagi Pemenang.

Hadiah yang berupa wang tunai dan tropi akan diberikan kepada pasukan-pasukan berjaya menjadi

- a) **Johan**
- b) **Naib Johan**
- c) **Ketiga bersama.**

7. Borang Penyertaan dan tarikh tutup Penyertaan.

- a. Borang penyertaan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada pihak penganjuran yang berikut sebelum atau pada 12hb. Jun, 2009 (Hari Jumaat) Jam 4.00 Petang.

- | | |
|--|--|
| 1. Awg Missli Bin Hj Talib
IPE/41- Syarikat Minyak Brunei
Shell Setia.
Tel no : 8738304 (M) | 2. Awg Sharbini Bin Mohidi
Pejabat Perhutanan
Tutong.
Tel no: 4221237 (Pej) |
| 3. Awg Majid Bin Ratu
Pejabat Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja
Penanjong Garison, Tutong.
Tel no: 8713840 (M) | 4. Awg Zepri Bin Hj Ahmad
Perumahan Kampong
Bukit Beruang, Tutong
Tel no: 8761639 (M) |
| 5. Awg Zainal Bin Hj Jaidin
Institut Teknologi Brunei (ITB)
Tel No : 8876539 (M) | 6. Awg. Mohd. Ali Sabri Bin Hj Abang
Flat Guru-Guru SM Sufri Bolkiah
Tutong
Tel no: 8637511 (M) |
| 7. Kompleks Sukan Tutong
Tel no : 4260118.
*Tempat mengambil borang Sahaja | |

8. Tarikh Undian.

Undian akan diadakan pada
Tarikh : 14hb. Jun 2009 (Hari Ahad)
Jam : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Tutong, Kampong Keriam Tutong.

Pengurus Pasukan atau wakil diminta hadir semasa undian tersebut diadakan.

9. Penghargaan & Terima kasih

Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Tutong ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas penyertaan tersebut yang mana ianya akan meriahkan lagi sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli yang ke-63 Tahun bagi Daerah Tutong, Tahun 2009.

Disamping itu, diharap perlawanan ini akan dapat melahirkan pemain-pemain muda yang berbakat demi kemajuan sukan di negara ini dengan motto "Maju Sukan Untuk Negara".



2009

PERLAWANAN BOLASEPAK 7 ORANG SEPASUKAN KALI KE 35 BAGI TAHUN 2009
SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE 63 TAHUN
BAGI DAERAH TUTONG
ANJURAN PERSATUAN MELAYU KERIAM (PESAKA) TUTONG.

UNDANG-UNDANG PERLAWANAN (1-13)

1. Ukuran padang dan tiang gol mengikut ukuran antara bangsa.
2. Dalam setiap perlawanan hanya 7 orang pemain atau tidak kurang 5 orang pemain dibenarkan bermain bagi setiap pasukan. Pasukan yang mempunyai kurang 5 orang pemain akan dikira "WALK-OVER" dan kemenangan akan diberi kepada pasukan lawan. Setiap pasukan hendaklah bersedia 30 minit sebelum perlawanan dimulakan.
3. Ramai pemain didaftarkan bagi satu pasukan ialah 9 orang dan tidak boleh ditukar-tukar. Hanya 7 orang pemain bagi sepasukan.
4. **Penukaran** atau **penggantian pemain** dibenarkan sepanjang perlawanan pada bila-bila masa. Pemain yang telah keluar dibenarkan bermain semula (masuk balik) didalam perlawanan yang sama. **Setiap pertukaran pemain hendaklah dibuat melalui Pengawas perlawanan.**
5. Jadual perlawanan yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur tidak boleh ditangguhkan, pasukan yang tidak hadir dalam masa yang ditetapkan akan dikira kalah dan kemenangan akan diberi kepada pasukan lawan.
6. Masa bagi satu perlawanan ialah 15 minit termasuk pertukaran tempat.
7. Jaringan gol boleh dibuat dari mana-mana kawasan padang permainan.
8. Jaringan gol akan dikira jika jaringan tersebut dibuat semasa atau bersamaan dengan tiupan wisel penamat oleh penjaga masa.
9. Sekiranya tendangan penalti diberikan dalam masa minit terakhir bersamaan dengan tiupan wisel penamat perlawanan, maka tendangan penalti tersebut akan terus diadakan atau dijalankan.
10. Penjaga gol hanya dibenarkan menangkap/memegang bola dalam kawasan (D) sahaja.
11. Mana-mana pasukan yang **memulakan** pertengkaran/pertelingkahan sehingga tidak dapat dikawal oleh pengadil perlawanan maka pihak pengajur berhak membatalkan perlawanan dan mengeluarkan (disqualified) pasukan tersebut bagi perlawanan seterusnya. Dan keputusan kemenangan akan diberi kepada pasukan lawan. Maka adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap pengurus atau ketua pasukan supaya menjaga disiplin semua pemain-pemain mereka daripada membuat sebarang perkara-perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang perlawanan dijalankan.
12. Setiap pemain dimestikan memakai **SHINGUARD** disetiap perlawanan. Pemain yang tidak memakai **SHINGUARD**, **TIDAK** dibenarkan bermain.
13. Keputusan Pengadil dan undang-undang perlawanan semasa dijalankan tertakluk kepada **Undang-undang FIFA / BAFA** kecuali **offside ditiadakan**.



**PERLAWANAN BOLASEPAK 7 ORANG SEPASUKAN
KALI KE-35 BAGI TAHUN 2009**
SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN
KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE 63 TAHUN
BAGI DAERAH TUTONG
ANJURAN PERSATUAN MELAYU KERIAM (PESAKA) TUTONG



2009

BORANG PENYERTAAN

1. KETERANGAN PASUKAN

NAMA PASUKAN						
PENGURUS PASUKAN						
ALAMAT						
NO. TELEFON		R		P		M

2. SENARAI PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO. KAD PINTAR
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		

Dengan ini disertakan wang **Bayaran Penyertaan Perlawanan** sebanyak **BND\$60.00 (Enam Puluh Ringgit Brunei)** sahaja. Resit pembayaran akan diberi semasa undian diadakan.

Tanda Tangan Pengurus		Tarikh	
------------------------------	--	---------------	--

UNTUK KEGUNAAN PIHAK PENGANJUR

Nama Penerima			
Tanda Tangan		Tarikh	

**BORANG PENYERTAAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN KEPADA
PIHAK PENGAJUR YANG BERKENAAN**

**SEBELUM atau TIDAK LEWAT PADA :
12hb. Jun, 2009 (Hari Jumaat) @ Jam 4:00 Petang.**